



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***DIMENSI MODAL SOSIAL KOMUNITI ORANG ASAL DI KAWASAN
GUNUNG PUEH, LUNDU, SARAWAK, MALAYSIA***

MUHAMMAD LUQMAN BIN HASAN

FPAS 2020 15



**DIMENSI MODAL SOSIAL KOMUNITI ORANG ASAL DI KAWASAN
GUNUNG PUEH, LUNDU, SARAWAK, MALAYSIA**

Oleh

MUHAMMAD LUQMAN BIN HASAN

**Tesis yang Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Sarjana Sains**

Jun 2020

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Sains

**DIMENSI MODAL SOSIAL KOMUNITI ORANG ASAL DI KAWASAN
GUNUNG PUEH, LUNDU, SARAWAK, MALAYSIA**

Oleh

MUHAMMAD LUQMAN BIN HASAN

Jun 2020

Pengerusi : Shazali Johari, PhD
Fakulti : Perhutanan dan Alam Sekitar

Modal sosial merupakan satu hubungan yang kompleks antara individu atau kumpulan manusia. Ia merupakan satu konsep yang penting bagi membangunkan komuniti yang mapan dan terhubung. Modal sosial mempunyai tiga dimensi iaitu modal sosial ikatan, menjambatani dan perhubungan. Kajian mengenai pengukuran modal sosial masih kurang dilakukan di Malaysia, malah, kajian mengenai dimensi modal sosial di kawasan Sabah dan Sarawak masih lagi terhad. Kajian ini menfokuskan untuk mengkaji dimensi modal sosial keseluruhan komuniti orang asal di kawasan Gunung Pueh. Selain itu, kajian ini juga untuk mengalpasti perbezaan dimensi modal sosial disetiap komuniti di kawasan Gunung Pueh dan mengkaji faktor yang mempengaruhi modal sosial di kawasan tersebut. Kajian yang dilakukan oleh sarjana terdahulu mendapati perbezaan latar (etnik, agama, status pekerjaan dan pendapatan), kadar jenayah, kepercayaan dan hubungan kekeluargaan dan persahabatan mempengaruhi modal sosial komuniti yang kini dilihat makin membimbangkan di Lundu, Sarawak. Kajian ini telah menggunakan pendekatan kuantitatif dan soal selidik yang diedarkan sendiri telah dilakukan dengan 390 responden berjaya diperoleh di tiga buah komuniti orang asal di Gunung Pueh iaitu Komuniti Kampung Biawak, Komuniti Kampung Pueh dan Komuniti Kampung Sebako. Analisis deskriptif kajian ini menunjukkan komuniti orang asal di kawasan Gunung Pueh mempunyai modal sosial yang kuat. Komuniti Kampung Sebako mencatatkan modal sosial yang kuat diikuti Komuniti Kampung Pueh dan Komuniti Kampung Biawak. Selain itu, Hasil analisis varians (ANOVA) sehalu menunjukkan terdapat perbezaan statistik yang signifikan diantara komuniti orang asal diantara komuniti orang asal di Gunung Pueh dan modal sosial ikatan [$F(2,387) = 26.53, p = 0.00$] serta modal sosial perhubungan [$F(2,387) = 33.29, p = 0.00$]. Manakala modal sosial menjambatani tidak menunjukkan sebarang perbezaan statistik yang signifikan [$F(2,387) = 0.67, p = 0.513$]. Hasil analisis regresi pelbagai dalam kajian ini menunjukkan faktor yang mempengaruhi modal sosial keseluruhan komuniti orang asal di Gunung Pueh adalah kumpulan etnik Melayu, kumpulan umur 26-33, pendapatan tidak tetap dan pesara.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia Senate in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

SOCIAL CAPITAL DIMENSION OF LOCAL COMMUNITIES IN MOUNT PUEH AREAS, LUNDU, SARAWAK, MALAYSIA

By

MUHAMMAD LUQMAN BIN HASAN

June 2020

Chair : Shazali Johari, PhD
Faculty : Forestry and Environment

Social capital is a complex relationship between individual or group of human. It is an important concept to develop a sustainable and connected community. Social capital is divided into three dimensions which are bonding, bridging and linking. There are currently limited studies on social capital measurement in Malaysia, specifically, the study of social capital dimensions in Sabah and Sarawak. This study focused on overall social capital dimension of local communities in Mount Pueh areas. Besides that, this study also to identify the differences of social capital dimension between the local communities in Mount Pueh and factor influence social capital dimension in the areas. Based on the studies of previous scholars found that the background differences (ethnic, religion, job and income), criminal rate, trust and family and friends relationship influence community's social capital which currently became serious in Lundu, Sarawak. This study has used quantitative approach and self-administered survey has been conducted with a sample of 390 respondents was successfully collected. Three local communities in Mount Pueh has been chosen as our research sites namely Kampung Biawak community, Kampung Pueh community and Kampung Sebako community. Descriptive analysis depicted that local communities in Gunung Pueh has strong social capital. Kampung Sebako communities has the highest social capital followed by Kampung Pueh community and Kampung Biawak community. Hasil analisis varians (ANOVA) sehala menunjukkan terdapat perbezaan statistik yang signifikan diantara komuniti orang asal diantara komuniti orang asal di Mount Pueh dan modal sosial ikatan [F (2,387) = 26.53, p = 0.00] serta modal sosial perhubungan [F (2,387) = 33.29, p = 0.00]. Besides that, result from analysis of varians (ANOVA) showed that there are significantly statistic different between local communities in Mount Pueh and bonding social capital [F (2,387) = 26.53, p = 0.00] also linking social capital [F (2,387) = 33.29, p = 0.00]. While bridging social capital not showed significant statistic different [F (2,387) = 0.67, p = 0.513]. Multiple regression analysis indicate the factors that influence social capital dimensions are Malay ethnic, age group 26-33, unstable income and retirees.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniannya, dapat saya menyiapkan tesis ini. Langkah saya ini juga dipermudahkan berkat doa daripada insan tercinta, iaitu Allayarhamah Hajah Che'Nah binti Yunus (ibu) dan Intan Suhaila binti Hasan (kakak). Tidak dilupakan juga kepada seluruh ahli keluarga.

Seterusnya perjalanan ini dipermudahkan dengan bimbingan Dr. Shazali Johari iaitu penyelia saya yang sentiasa memberikan kritikan membina, dan panduan yang jelas dalam menjalankan kajian ilmiah ini. Terima kasih juga kepada Dr. Diana Emang yang turut menyumbang ilmu kepada saya dalam menyiapkan kajian ini terutamanya semasa proses pembinaan instrumen kajian. Tidak terkecuali, semua pensyarah saya sama ada semasa saya di Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar atau sepanjang proses pendidikan saya yang telah turut membantu secara tidak langsung.

Sekalung penghargaan juga ditujukan kepada sahabat saya, Thoo Poh Yee, Yee Lai Ling, Yusuf Mislam, Nur Azureen Azha dan rakan-rakan lain yang turut sama membantu secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Seterusnya, setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam kajian ini kerana sudi memberi kerjasama sepanjang proses pengumpulan data dijalankan. Semoga hasil penyelidikan ini memberi manfaat kepada semua pihak dalam memelihara dan menjamin keharmonian sosial dan perpaduan nasional.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Sarjana Sains. Ahli Jawatankuasa Penyelidikan adalah seperti berikut:

Shazali Johari, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Diana Emang, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH BINTI MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 10 September 2020

JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI GAMBAR RAJAH	xii
BAB	
1 PENGENALAN	1
1.1 Modal Sosial - Latar Belakang Umum	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Masalah	3
1.4 Persoalan Kajian	6
1.5 Objektif Kajian	6
1.6 Skop Kajian	6
1.7 Definisi Operasi	7
1.8 Organisasi Tesis	8
2 SOROTAN KARYA	9
2.1 Konsep Modal Sosial	9
2.2 Dimensi Modal Sosial	11
2.3 Kajian Lepas	12
2.4 Teori Modal Sosial	14
2.4.1 Pendekatan Teori Modal Sosial	14
2.4.2 Kritikan dan Perdebatan Teori Modal Sosial	19
2.4.3 Perbincangan Praktikaliti Modal Sosial	21
2.5 Rangka Kerja Konseptual	25
2.6 Kesimpulan	28
3 METODOLOGI	29
3.1 Kawasan Kajian	29
3.2 Metodologi Kajian	30
3.2.1 Sumber Maklumat dan Data	30
3.2.2 Kaedah Pengumpulan Maklumat dan Data	31
3.2.3 Kaedah Menganalisis Maklumat dan Data	32
3.2.4 Instrumen Kajian	34
3.3 Kajian Rintis	37
4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	39
4.1 Sosio-demografi Responden	39
4.1.1 Kampung Biawak	41
4.1.2 Kampung Pueh	42
4.1.3 Kampung Sebako	42

4.2	Tahap Dimensi Modal Sosial Komuniti Orang Asal di Kawasan Gunung Pueh	43
4.2.1	Keseluruhan Kawasan Gunung Pueh	43
4.2.2	Komuniti Kampung Biawak	53
4.2.3	Komuniti Kampung Sebako	61
4.2.4	Komuniti Kampung Pueh	70
4.3	Perbezaan Dimensi Modal Sosial Komuniti Orang Asal di Kawasan Gunung Pueh	80
4.4	Faktor Mempengaruhi Dimensi Modal Sosial	81
4.4.1	Model Regresi Modal Sosial Ikatan	81
4.4.2	Model Regresi Modal Sosial Menjambatani	83
4.4.3	Model Regresi Modal Sosial Perhubungan	84
4.4.4	Model Regresi Dimensi Modal Sosial Keseluruhan	86
5	KESIMPULAN DAN IMPLIKASI	89
5.1	Rumusan Kajian	89
5.2	Implikasi Kajian	91
5.2.1	Implikasi Secara Teori	91
5.2.2	Implikasi Pengurusan	92
5.3	Cadangan Lanjutan Kajian	93
5.4	Limitasi Kajian	93
5.5	Penutup	93
	RUJUKAN	95
	LAMPIRAN	109
	BIODATA PELAJAR	118
	PENERBITAN	119

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
2.1	Kekuatan ikatan dimensi modal sosial	11
2.2	Peringkat kajian sarjana lepas yang terkemuka	22
3.1	Indikator dimensi modal sosial	35
3.2	Indikator dan jumlah item yang terlibat dalam setiap dimensi	36
3.3	Sumber adaptasi soalan kaji selidik dimensi modal sosial	36
3.4	Alpha Cronbach dimensi modal sosial	38
4.1	Peratusan ciri-ciri demografi responden	39
4.2	Analisis deskriptif keseluruhan modal sosial ikatan komuniti orang asal di kawasan Gunung Pueh	46
4.3	Analisis deskriptif keseluruhan modal sosial menjambatani komuniti orang asal di kawasan Gunung Pueh	49
4.4	Analisis deskriptif keseluruhan modal sosial perhubungan komuniti orang asal di kawasan Gunung Pueh	52
4.5	Peratusan skala Likert dan nilai purata item modal sosial ikatan komuniti Kampung Biawak	55
4.6	Peratusan skala Likert dan nilai purata item modal sosial menjambatani komuniti Kampung Biawak	58
4.7	Peratusan skala Likert dan nilai purata item modal sosial perhubungan komuniti Kampung Biawak	60
4.8	Peratusan skala Likert dan nilai purata item modal sosial ikatan komuniti Kampung Sebako	64
4.9	Peratusan skala Likert dan nilai purata item modal sosial menjambatani komuniti Kampung Sebako	66
4.10	Peratusan skala Likert dan nilai purata item modal sosial perhubungan komuniti Kampung Sebako	69

4.11	Peratusan skala Likert dan nilai purata item modal sosial ikatan komuniti Kampung Pueh	72
4.12	Peratusan skala Likert dan nilai purata item modal sosial menjambatani komuniti Kampung Pueh	76
4.13	Peratusan skala Likert dan nilai purata item modal sosial perhubungan komuniti Kampung Pueh	79
4.14	Hubungan antara dimensi modal sosial ikatan, menjambatani dan perhubungan dengan komuniti orang asal di Gunung Pueh	81
4.15	Analisis pelbagai dengan modal sosial ikatan	82
4.16	Analisis pelbagai dengan modal sosial menjambatani	83
4.17	Analisis pelbagai dengan modal sosial perhubungan	85
4.18	Analisis pelbagai dengan modal sosial keseluruhan	86
5.1	Rumusan dimensi modal sosial orang asal di Gunung Pueh	90

SENARAI GAMBAR RAJAH

Gambar Rajah		Muka Surat
2.1	Model modal sosial Bourdieu (1994)	15
2.2	Model modal sosial Coleman (1988)	16
2.3	Model modal sosial Putnam (1993)	17
2.4	Model modal sosial Onyx dan Bullen (2000)	18
2.5	Model modal sosial Lin (2001)	19
2.6	Struktur hieraki piramid dimensi modal sosial (adaptasi Lin, 2001)	23
2.7	Rangka kerja konseptual	26
3.1	Kawasan kajian	29

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Modal Sosial - Latar Belakang Umum

Modal sosial secara asasnya merupakan interaksi yang berlaku melalui medium komunikasi dan penyertaan sama ada dalam sesebuah kumpulan mahupun individu. Modal sosial mampu menghasilkan hubungan dalaman yang positif dan memperbaiki kecekapan individu atau masyarakat dengan mempunyai ciri-ciri seperti jaringan sosial (*social networking*), kebolehpercayaan (*trustworthy*) dan norma hidup (*norms*) yang lengkap (Coleman, 1988; Putnam, 1993; Fukuyama, 1999). Jaringan sosial merupakan penglibatan dan hubungan individu dalam kumpulan atau kumpulan individu dengan kumpulan yang lain. Kebolehpercayaan pula merupakan hubungan yang telah lama berlaku dan berlaku atas dasar percaya seperti keluarga dan saudara, rakan dan kenalan, budaya dan agama. Norma hidup merupakan amalan, budaya dan gaya hidup umum yang sudah menjadi kebiasaan atau rutin (Seligman, 1997).

Modal sosial di Malaysia telah pun dibincangkan dalam kajian-kajian lepas dan telah menunjukkan kesan positif terhadap ekonomi dan pembangunan sosial di Malaysia khususnya di semenanjung Malaysia (Ruslan, Russayani dan Nor Azam, 2010). Malah, modal sosial merupakan satu faktor yang mampu menerangkan perbezaan tahap pembangunan mengikut wilayah dan komuniti. Dalam menilai kapasiti modal sosial, Knack (2002) menyatakan modal sosial mampu mempengaruhi kemampuan individu untuk bekerjasama mencapai sesuatu matlamat.

Modal sosial diketahui mempunyai tiga dimensi jaringan yang berbeza, iaitu modal sosial ikatan (*bonding*), modal sosial menjambatani (*bridging*), dan modal sosial perhubungan (*linking*). Modal sosial ikatan ditakrifkan sebagai hubungan antara kumpulan atau keluarga yang mempunyai ciri-ciri yang serupa serta mempunyai pertalian yang rapat menurut Putnam (2000). Selain itu, Szreter dan Woolcock (2004) telah mendefinisikan modal sosial menjambatani sebagai hubungan kepercayaan antara kumpulan yang mempunyai identiti sosial yang berbeza seperti etnik, bangsa, status ekonomi dan lain-lain. Manakala, modal sosial penghubungan merupakan hubungan antara individu atau kumpulan dengan institusi yang mempunyai kuasa melebihi mereka seperti kerajaan negeri, NGO, penguatkuasa Jabatan Khidmat Masyarakat, hospital dan sebagainya.

Pengaruh modal sosial adalah berasaskan struktur jaringan dan kebolehpercayaan dalam masyarakat, dan ianya sejajar dengan Dasar Sosial Negara yang menekankan konsep saling membantu dan bekerjasama serta hubungan baik yang terjadi antara individu dan sesebuah komuniti atau masyarakat. Dengan itu, pengukuran modal sosial adalah sangat penting untuk memastikan kecekapan sosial di sesuatu kawasan tersebut dapat dinilai

dengan mata kasar serta berpotensi mengurangkan masalah sosial melalui pembangunan dimensi modal sosial.

1.2 Latar Belakang Kajian

Modal sosial merupakan aspek penting dalam mengatasi masalah-masalah yang terjadi dalam komuniti seperti masalah berkenaan ekonomi yang melibatkan kemiskinan, masalah sosial seperti masalah golongan muda, salah laku, jenayah dan masalah berkaitan politik seperti keadaan bergolak, pertempuran dan sebagainya. Modal sosial merupakan satu keperluan yang telah dibangunkan sejak Rancangan Malaysia Kesembilan yang bermatlamat untuk meningkatkan hal persaingan dan penerokaan sumber perkembangan terkini. Oleh itu, modal sosial merupakan asas yang penting dalam mendapatkan maklumat, kerjasama, perpaduan dan kepercayaan individu yang menjadi tunjang utama. Hal ini kerana modal sosial mampu meningkatkan modal manusia antara rakyat dan komuniti dalam negara Malaysia seperti meningkatkan ilmu, kecekapan dan prestasi individu.

Pengukuran modal sosial di Malaysia yang sedia ada berlandaskan kepada tiga prinsip utama yang telah digariskan oleh mantan Perdana Menteri Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak, iaitu toleransi, kerjasama dan penerimaan. Nilai penerimaan yang membabitkan masyarakat berbilang kaum adalah berkaitan dengan tingkat kepercayaan dan jaringan hubungan dalam masyarakat. Sekiranya tahap penerimaan tinggi, maka lebih mudah proses integrasi dan proses pembangunan sosial dicapai, namun tiada indikator yang jelas dalam mengukur dimensi modal sosial. Namun, Perdana Menteri YAB Tun Dr Mahathir Mohammad telah menggariskan tujuh teras strategik yang perlu ada bagi memastikan matlamat kemakmuran bersama dapat dicapai, salah satunya adalah peningkatan modal sosial masyarakat (UKAS, 2019). Teras ini telah menggariskan sokongan terhadap pembangunan ekonomi dan pertumbuhannya yang memerlukan kematangan masyarakat, berilmu, bekerja keras dan mementingkan perpaduan. Teras ini juga bermatlamat untuk meningkatkan modal sosial dan struktur sosial bagi membangunkan jati diri dan patriotisma golongan muda.

Maka, dalam pengukuran modal sosial di Malaysia, tiga prinsip utama telah diambil kira untuk menilai tahap modal sosial di Malaysia, iaitu toleransi, kerjasama dan penerimaan. Walaubagaimanapun, modal sosial bukan sekadar berpegang kepada tiga prinsip tersebut. Sepatutnya, pengukuran modal sosial perlu melihatkan kepada aspek yang lebih terperinci seperti dimensi modal sosial, iaitu modal sosial ikatan, modal sosial menjambatani dan modal sosial perhubungan yang memberi gambaran dengan lebih jelas mengenai keadaan komuniti di Malaysia.

Dalam pembangunan sosial Malaysia terutama sekali di bahagian Sabah dan Sarawak, kerjasama dan kebersamaan komuniti adalah sangat penting dalam mengukuhkan komuniti setempat. Dengan melaksanakan pengukuran modal sosial berdasarkan dimensi, ianya mampu untuk melihat dengan lebih jelas hubungan antara komuniti, individu, dan institusi yang mempunyai berkuasa.

Dengan berlakunya anjakan yang pantas dalam komuniti secara berterusan, ianya pasti memberi kesan yang signifikan terhadap perhubungan dalam komuniti, maka dengan pengukuran modal sosial berdasarkan dimensi, ia mampu untuk menilai dengan lebih terperinci mengenai keadaan modal sosial yang berlaku dalam komuniti.

1.3 Penyataan Masalah

Sejak kemerdekaan Malaysia pada tanggal 31 Ogos 1957, Malaysia telah mengalami transformasi ekonomi, sosial, pendidikan, budaya dan teknologi yang ketara (Ahmad Atory, 1990). Malaysia telah memperkenalkan pelbagai dasar sosial bagi membantu dan memperbaiki keadaan hidup masyarakat. Dengan itu, Kerajaan Malaysia telah memulakan langkah dengan melancarkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1971 yang mengambil kira keharmonian dan perpaduan kaum. Dasar ini telah menjadi asas kepada dasar pembangunan yang bertunjangkan pembasmian kemiskinan, penyusunan semula masyarakat dan penghapusan jurang ekonomi antara wilayah (Meerman, 1979).

Masyarakat di Sarawak telah banyak didedahkan dengan usaha-usaha penyatuan dan kebersamaan oleh kerajaan negeri bagi mengeratkan perpaduan dan membentuk modal sosial, memandangkan Sarawak merupakan negeri yang mempunyai jumlah perbezaan etnik yang ramai. Malah, kerajaan telah melakukan dasar yang khusus selepas kejayaan Dasar Ekonomi Baru, iaitu Dasar Sosial Negara yang bertujuan untuk meningkatkan kecekapan masyarakat Malaysia. Kerajaan Malaysia pada masa itu percaya bahawa modal sosial merupakan satu keperluan dalam sesebuah masyarakat untuk meningkatkan keupayaan jaringan, kecekapan dan kualiti masyarakat. Justeru, masyarakat memerlukan satu penilaian terhadap modal sosial yang menyeluruh untuk melihat perkembangan modal sosial. Namun, penilaian modal sosial yang lepas hanya melihat kepada aspek luaran sahaja, ia tidak melihat kepada dimensi modal sosial itu sendiri. Malahan, kajian pengukuran modal sosial di Sarawak masih terhad. Rahmah, Noor Dzahrah dan Noorasiah (2016) juga menyokong bahawa kajian modal sosial sebelum ini hanya melihat kepada aspek luaran yang menyokong kepada kesan seperti kualiti kehidupan, ekonomi dan organisasi. Di Sarawak, kajian modal sosial melihat lebih tertumpu kepada elemen asas modal sosial iaitu kepercayaan, timbal-balik dan norma begitu juga keseluruhan Malaysia (Noorasiah, Syazuani, Mohd Nasir dan Rahman, 2014; Azeem Fazwan dan Azrina, 2015; Mohd Hafiz, Asmidar dan Mohd Faizal, 2018). Terdapat beberapa kajian modal sosial yang telah dilakukan di Malaysia untuk melihat pembangunan sosial (Knot, 2012; Noorasiah, Syazuani, Mohd Nasir dan Rahman, 2014; Rahmah, Noor Dzahrah dan Noorasiah, 2016), namun, kajian mengenai pengukuran dimensi modal sosial iaitu modal sosial ikatan, modal sosial menjambatani dan modal sosial perhubungan masih kurang dilakukan di Malaysia. Implikasinya, tiada pengukuran yang jelas terhadap dimensi modal sosial.

Modal sosial dilihat sebagai elemen yang penting dalam pembangunan sosial, akan tetapi, faktor hubungan keluarga dan rakan yang makin renggang, peningkatan kadar jenayah, penyusutan kepercayaan, kepelbagaian etnik dan kehadiran pendatang asing berpotensi menghakik modal sosial. Justeru, pengukuran lebih terperinci dimensi modal sosial perlu dilakukan untuk melihat keadaan modal sosial. Didalam isu modal sosial ikatan adalah hubungan kekeluargaan dan rakan yang dilihat semakin renggang. Dalam

Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) pada tahun 2016 telah mencatatkan nilai purata 7.33 daripada skala maksimum iaitu 10. Ia berada pada tahap yang sederhana mengikut lapan domain yang telah diambil kira dalam indeks ini, iaitu hubungan kekeluargaan, ekonomi keluarga, kesihatan keluarga, keselamatan keluarga, keluarga dan keterlibatan komuniti, keluarga dan peranan agama serta amalan kerohanian, perumahan dan persekitaran serta keluarga dan teknologi. Dalam aspek keterlibatan dalam komuniti, skor domain ini menunjukkan ia berada pada tahap sederhana dengan purata 7.84. Selain itu, domain bagi hubungan kekeluargaan juga menunjukkan skor domain yang memuaskan sahaja dengan purata 7.90 daripada 10. Skor IKK mengikut negeri Sarawak merupakan antara negeri yang mempunyai indeks yang paling rendah dengan mencatatkan skor 7.09. Dalam hal ini juga, menurut Ramid a/k Mina (komunikasi peribadi, Penghulu Pueh, 2017) sebilangan besar remaja mula berhijrah ke kawasan bandar, yang akhirnya merenggangkan hubungan kekeluargaan dan persahabatan dalam komuniti sekitar. Pengurangan populasi di kawasan pedalaman yang pantas adalah disebabkan faktor migrasi penduduk muda ke bandar untuk mencari peluang pekerjaan. Hal ini menyebabkan populasi penduduk di kawasan pedalaman hanya tinggal penduduk yang berumur (Prayitno, Matsushima, Hayeong, Kobayashi, 2014). Keadaan ini akan mengganggu ekosistem modal sosial dalam komuniti pedalaman yang akhirnya pembangunan komuniti akan terencat (Prayitno, Matsushima, Hayeong, Kobayashi, 2014).

Selain itu, kes jenayah di Malaysia khususnya dalam komuniti semakin meningkat dilihat mengancam modal sosial menjambatani iaitu interaksi dan jaringan merentasi komuniti. Dalam indeks jenayah yang dikeluarkan oleh Numbeo pada pertengahan tahun 2018, telah menyenaraikan Malaysia berada pada kedudukan ke-20 paling teruk kes jenayah dengan mencatatkan 61.15 peratus. Laporan jenayah dan keselamatan *United State Department of State* pada tahun 2016 menyatakan, peratusan yang besar disumbang melalui jenayah kecil yang sudah menjadi kebiasaan di Malaysia seperti ragut, peras ugut dan lain-lain. Indeks yang dikeluarkan oleh Numbeo ini mengambil kira daripada beberapa indikator, iaitu jenayah kekerasan yang dilakukan oleh pemandu teksi kepada pelancong dan penduduk tempatan, pecah rumah, penipuan kad kredit, sindikit pelacuran dan jenayah kecil seperti ragut, peras ugut dan sebagainya. Di Sarawak, kadar jenayah di kawasan komuniti di Lundu seperti pecah rumah, kecurian harta benda dan jenayah kekerasan masih lagi ditahap membimbangkan (Kementerian Dalam Negeri, 2017). Keadaan ini menimbulkan situasi berjaga-jaga dalam setiap komuniti sehingga berlaku pengasingan dari komuniti luar yang akhirnya mampu memberi kesan negatif terhadap modal sosial menjambatani. Putnam (1993) menyatakan terdapat perkaitan yang signifikan antara kadar jenayah dan pembentukan modal sosial di sesuatu kawasan, yang merujuk kepada kadar jenayah yang tinggi mampu mempengaruhi interaksi dan jaringan rentas komuniti, akhirnya memberi kesan negatif kepada modal sosial.

Kepercayaan merupakan perkara yang terpenting dalam menjalin hubungan yang kompleks dalam modal sosial. Kepercayaan juga adalah asas dalam membangunkan modal sosial (Putnam, 1993). Pembentukan kepercayaan merupakan perkara utama dalam modal sosial perhubungan, ini kerana interaksi sosial yang mendatangkan manfaat akan mewujudkan kepercayaan (Woolcock, 2004). Namun, kepercayaan masyarakat terhadap kerajaan dan institusi yang mempunyai kuasa menunjukkan penurunan. Menurut Indeks Barometer Kepercayaan Eldelman (2018) masyarakat Malaysia masih kurang percaya terhadap kerajaan Malaysia. Indeks ini mengukur kepercayaan

masyarakat kepada beberapa entiti dalam sesebuah negara, iaitu (1) kerajaan, (2) badan bukan kerajaan, (3) perniagaan dan (4) media. Pecahan peratusan dalam indeks ini menunjukkan masyarakat menunjukkan peratusan dominan ketidakpercayaan terhadap kerajaan, 43 peratus ketidakpercayaan kepada kerajaan, 6 peratus ketidakpercayaan kepada badan bukan kerajaan, 6 peratus ketidakpercayaan kepada perniagaan dan 28 peratus ketidakpercayaan kepada media. Keadaan kepercayaan masyarakat terhadap kerajaan di Sarawak menunjukkan keadaan penurunan apabila peratusan undi terhadap bekas parti pemerintah telah menurun dengan mendadak dan penubuhan gabungan tersendiri oleh masyarakat Sarawak untuk menentang pemerintah sebelum pilihanraya ke-14 (Berita Harian, 2018). Malah, kepercayaan rakyat terhadap kerajaan negeri dan persekutuan menunjukkan penurunan disebabkan pembangunan yang dilakukan tidak sekata terutama di kawasan Lundu (Noor Syafiqah, 2017). Keadaan ini menunjukkan berlakunya keadaan ketidakpercayaan terhadap badan yang mempunyai kuasa dalam kalangan masyarakat dan komuniti yang berkemungkinan memberi kesan negatif kepada modal sosial perhubungan.

Selain itu, kepelbagaian etnik juga mempengaruhi pembentukan modal sosial di sesuatu kawasan. Menurut, Putnam (2007) kawasan yang mempunyai kepadatan pendudukan yang terdiri dari pelbagai etnik akan mempunyai modal sosial yang rendah. Ini disebabkan oleh penyisihan yang akibat dari perbezaan bahasa, adat resam dan kegiatan harian yang akhirnya membawa kepada ketidakpercayaan dan perasaan tidak selamat. Di Lundu, terdapat beberapa etnik majoriti iaitu Bidayuh Salako, Bidayuh Laro, Iban dan Melayu Sarawak yang telah menetap dikawasan tersebut yang menunjukkan komuniti tersebut mempunyai kepelbagaian etnik. Selain itu, faktor geografi Lundu yang bersempadan dengan Kalimantan, Indonesia telah menyebabkan berlaku migrasi penduduk dari Kalimantan, Indonesia ke Lundu, Sarawak dan keadaan ini mewujudkan perbezaan dari segi adat dan budaya dalam komuniti (Intan dan Sity, 2016). Ini disebabkan oleh faktor peluang pekerjaan dan gaji di Malaysia lebih baik menyebabkan mereka berhijrah dan menetap di Lundu, Sarawak terutamanya di sekitar Gunung Pueh yang berhampiran dengan garis sempadan (Halen, Wen dan Wah, 2016). Putnam (2003) menyatakan bahawa peningkatan jumlah immigran di sesuatu kawasan komuniti akan menghakis modal sosial komuniti, dalam kajiannya mengenai pembentukan modal sosial Itali Utara dan Itali Selatan. Hal ini juga telah disokong oleh Prayitno, Matsushima, Hayeong, Kobayashi, (2014) dalam kajian mengenai migrasi dan modal sosial di kawasan pedalaman Malang, Indonesia yang melihat migrasi penduduk ke kawasan komuniti baharu mampu memberi kesan terhadap modal sosial dari segi penyertaan dalam komuniti dan pengasingan dari kumpulan dominan.

Justeru, pengukuran terhadap setiap dimensi modal sosial perlu dilaksanakan oleh kerana terdapat masalah-masalah subversif, kepelbagaian etnik dan migrasi penduduk dari Kalimantan ke Lundu, Sarawak yang dilihat mampu mengugat dan menghalang proses pembangunan modal sosial. Sekiranya modal sosial tidak terdapat pada individu dan komuniti atau terdapat perkara yang menghalang serta menghakis modal sosial, maka pembangunan sesebuah komuniti sukar untuk dibangunkan (Coleman, 1988). Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk melihat dimensi modal sosial secara menyeluruh. Informasi dari kajian ini akan bermanfaat kepada kerajaan negeri Sarawak untuk melihat situasi semasa mengenai keadaan modal sosial komuniti orang asal di sekitar Gunung Pueh, Sarawak. Selain itu, kerajaan negeri boleh menganalisis tahap penerimaan masyarakat

terhadap usaha-usaha yang dilakukan kepada komuniti tempatan dan boleh dilakukan penambahbaikan untuk meningkatkan tahap interaksi dan keterhubungan komuniti.

1.4 Persoalan Kajian

Dalam kajian ini, terdapat beberapa persoalan yang perlu untuk dikaji supaya boleh memahami mengenai konsep modal sosial.

- i. Apakah status semasa dimensi modal sosial komuniti setempat di kawasan Gunung Pueh, Sarawak?
- ii. Apakah perbezaan dimensi modal sosial antara komuniti orang asal di Gunung Pueh, Sarawak?
- iii. Apakah faktor yang mempengaruhi dimensi modal sosial di kawasan Gunung Pueh, Sarawak?

1.5 Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti dimensi modal sosial khususnya modal sosial ikatan, modal sosial menjambatani, dan modal sosial perhubungan komuniti orang asal di Gunung Pueh.

Objektif khusus didalam kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Untuk mengenal pasti tahap dimensi modal sosial yang membentuk modal sosial secara keseluruhan dalam komuniti tempatan di kawasan Gunung Pueh.
- ii. Untuk mengkaji perbezaan dimensi modal sosial antara komuniti orang asal di Gunung Pueh, Sarawak.
- iii. Untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi dimensi modal sosial komuniti orang asal di kawasan Gunung Pueh, Sarawak.

1.6 Skop Kajian

Sarawak merupakan antara negeri yang terbesar di Malaysia, dan merupakan negeri yang mempunyai kepelbagaian etnik seperti Bidayuh Salako, Bidayuh Laro, Iban, Melayu Sarawak. Oleh tu, komuniti yang terbentuk di kawasan negeri Sarawak adalah mengikut etnik dan bangsa di kawasan-kawasan tertentu yang dipanggil sebagai orang asal. Kawasan Lundu merupakan kawasan ekonomi yang sedang membangun. Hal ini kerana terdapat beberapa kawasan tarikan pelancongan di kawasan tersebut seperti Gunung Pueh, Gunung Gading, Taman Hidupan Liar Sanmusam, dan pantai yang menjadi tarikan pelancong untuk menjana ekonomi setempat. Selain itu, Gunung Pueh juga mempunyai keistimewaan faktor geografi, iaitu gunung tersebut merupakan sempadan antara Malaysia dan Indonesia, maka migrasi penduduk dari kedua-dua negara sering berlaku. Oleh itu, pengukuran modal sosial dilihat penting bagi melihat akses jaringan, tahap

keterhubungan masyarakat komuniti dengan komuniti luar dan kerajaan negeri. Dalam kajian Noorasiah dan Mohd Nasir (2007) menunjukkan bahawa modal sosial mempunyai pengaruh penting terhadap tahap daya saing. Tahap modal sosial memainkan peranan dalam meningkatkan akses jaringan sama ada secara formal atau tidak formal yang merangkumi antara individu, komuniti atau sektor.

1.7 Definisi Operasi

1. Modal sosial

Modal sosial merupakan sebahagian organisasi sosial seperti kepercayaan, norma dan jaringan yang boleh meningkatkan kecekapan sosial dengan tindakan yang terarah (Putnam, 2000). Dalam kajian ini, modal sosial merujuk kepada penyertaan dalam jaringan, kepercayaan dalam masyarakat, proaktif, nilai norma dan persamaan dalam kemasyarakatan.

2. Modal sosial ikatan

Modal sosial ikatan boleh digambarkan sebagai hubungan yang terjadi antara ahli dalam jaringan yang mempunyai persamaan (Putnam, 2000). Dalam kajian ini, modal sosial ikatan merujuk kepada hubungan yang rapat seperti ahli keluarga, saudara, rakan dan jiran tetangga.

3. Modal sosial menjambatani

Modal sosial ini merupakan hubungan antara kumpulan heterogenous (Schuller, Baron dan Field, 2000). Modal sosial menjambatani juga merupakan kepercayaan yang berlaku antara individu yang mempunyai identiti sosial yang berbeza seperti etnik, status ekonomi dan sebagainya (Szreter dan Woolcock, 2004). Dalam kajian ini, modal sosial menjambatani merujuk kepada hubungan terhadap sesuatu kumpulan atau individu yang mempunyai latar demografi yang berbeza iaitu berlainan komuniti.

4. Modal sosial perhubungan

Modal sosial perhubungan ialah hubungan antara individu dengan institusi atau individu lain yang mempunyai kuasa melebihi (Szreter dan Woolcock, 2000). Dalam kajian ini, modal sosial perhubungan merujuk kepada hubungan antara individu dan jabatan kerajaan atau badan bukan kerajaan yang mempunyai kuasa.

5. Komuniti

Merupakan kelompok-kelompok kecil masyarakat yang berhubung dan tinggal dalam lingkungan kawasan yang sama melibatkan ruang, masa dan hubungan. Secara amnya, kumpulan etnik atau bangsa komuniti berkongsi persekitaran yang sama dan mempunyai kehidupan yang interaktif (Newby, 1971; Syariefudin, Mansor, Rizal dan Faridah, 2017). Dalam kajian ini, komuniti merujuk kepada kampung – kampung yang didiami dalam kawasan yang

ditadbir oleh penghulu iaitu ketua kawasan yang telah dilantik oleh kerajaan negeri dan telah diiktiraf oleh pejabat daerah.

6. Sumber

Merupakan tindakan atau strategi yang digunakan dalam sesuatu keadaan dan merupakan satu bentuk stok, bahan, atau perkara yang memberi manfaat atau keperluan kepada individu untuk berfungsi secara efektif (Putnam, 2000). Namun, dalam kajian ini, sumber dilihat tertumpu kepada perkara yang bermanfaat untuk keperluan individu seperti informasi, berita, mengenali orang penting dan akses kepada peluang.

1.8 Organisasi Tesis

Tesis ini mempunyai 5 bab dimana bab 1 merupakan bahagian pengenalan tesis. Bab 2 menerangkan kajian lepas, teori yang digunakan dan rangka kerja konseptual. Manakala bab 3 menerangkan mengenai metodologi kajian, rangka kerja kajian, struktur kajian, kumpulan sasaran, kriteria responden, kajian rintis, ujian kebolehpercayaan dan analisis data. Bab 4 akan menerangkan keputusan kajian dan bab 5 akan menerangkan dapatan kajian daripada sarjana lepas yang mempunyai persamaan dan perbezaan dengan keputusan kajian serta kelemahan kajian serta cadangan penyelidikan.

RUJUKAN

- Abdul Hadi, S., Jamilah, O., Bahaman, A. S., Aliyu, Y., Adriana, O., & Jeffrey, L. D. (2014). Determinants of community participation in community policing program in Malaysia. *Journal of Applied Sciences*, 14(20), 2438-2449. doi:10.3923/jas.2014.2439.2449
- Abdul Hakim, R., Ismail, R., & Abdul Razak, N. A. (2012). Social capital and education attainment among rural community in Malaysia. *International Journal of Management Studies*, 19(1), 53-71.
- Abdul Rasid, A. R., Nor Haniza, M., Syed, S. S., Mohamad Zais, M., Yusop, M., Amran, H., & Zainab, K. (2013). Developing human capital for rural community tourism: Using experiential learning approach. *Social and Behavioral Science*, 93, 1835-1839. doi:10.1016/j.sbspro.2013.10.126
- Adekunle, A., Bulte, E., & Rijn, V. F. (2012). Social capital and agriculture innovation in Sub-Saharan Africa. *Agriculture System*, 108(C), 112-122.
- Adler, P., & Kwon, S. W. (2002). Social capital: Prospects for a new concept. *Academy of Management Review*, 27, 17-40.
- Ahmad Atory, H. (1990). *Politik dan dasar awam Malaysia*. Utusan Publication & Distributors.
